



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 13 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>Penglibatan Wanita Dalam Bidang Keusahawanan Masih Ketinggalan – Nancy</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penglibatan-wanita-dalam-bidang-keusahawanan-masih-ketinggalan-nancy-483201</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php?id=2328263</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2328325</p> <p>https://thesun.my/local-news/women-s-entrepreneurship-in-m-sia-low-despite-significant-population-presence-nancy-GO12850143</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/12/penglibatan-wanita-dalam-bidang-keusahawanan-masih-ketinggalan-nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/gaya-hidup/wanita/2024/08/1284068/jurang-wanita-dalam-bidang-keusahawanan-masih-ketinggalan</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
2.	<p>Community wide approach needed to tackle child delinquency, says Nancy</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1090508/community-wide-approach-needed-tackle-child-delinquency-says-nancy</p>	<p>NST</p>	Neutral

3.	<p>2025 Budget Wishlist: Nancy Proposes New Academy To Boost Women's Financial Independence</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1090464/2025-budget-wishlist-nancy-proposes-new-academy-boost-womens-financial</p> <p>https://thesun.my/business-news/ministry-plans-to-double-support-for-welfare-recipients-to-kickstart-businesses-GP12849953</p>	<p>NST</p> <p>The Sun</p>	Neutral
4.	<p>POSKOM Platform Dapatkan Maklumat, Fahami Pelbagai Bantuan JKM</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/12/poskom-platform-dapatkan-maklumat-fahami-pelbagai-bantuan-jkm</p>	Utusan Borneo	Neutral
5.	<p>Wanita Dipenjara Tujuh Hari Akibat Curi Baju</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679819/berita/semasa/wanita-dipenjara-tujuh-hari-akibat-curi-baju</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/12/penunggang-p-hailing-curi-baju-ducati-rm198-dipenjara-seminggu/</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/curi-dua-baju-wanita-dipenjara-seminggu/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6.	<p>Wanita Perlu RM100,000 Untuk Jalani Pembedahan Di Korea Selatan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679794/berita/semasa/wanita-perlu-rm100000-untuk-jalani-pembedahan-di-korea-selatan</p>	Sinar Harian	Neutral
7	<p>Berpisah Dengan Anak Selepas Kematian Suami Akibat Covid-19</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679923/edisi/utara/berpisah-dengan-anak-selepas-kematian-suami-akibat-covid-19</p>	Sinar Harian	Neutral

	https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283968/yayasan-keluarga-malaysia-bantu-2-anak-yatim-kehilangan-bapa-akibat	Berita Harian	
8	'Maaf Saya OKU' https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/08/1283708/maaf-saya-oku https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121823/maaf-saya-oku	Berita Harian Harian Metro	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN MASIH KETINGGALAN - NANCY



Nancy (kiri) semasa pelancaran Strivers' Hub: Bridging Digital Opportunities di Kuala Lumpur, pada Isnin. -- fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan masih ketinggalan walaupun bilangan golongan itu begitu ketara dalam populasi Malaysia, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata menurut banci ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2016, daripada 920,624 perusahaan yang berdaftar di negara ini, hanya 20.3 peratus atau 187,265 perusahaan dimiliki wanita.

"Tumpuan kami jelas, iaitu mencapai 30 peratus perusahaan kecil dan sederhana (PKS) milik wanita. Bagi mencapai jumlah ini, kita perlu meneruskan program pembiayaan khas untuk wanita dengan memusatkan golongan itu dalam proses reka bentuk bagi memberikan mereka lebih akses kepada modal yang diperlukan dalam perniagaan.

"Oleh itu, kerajaan sentiasa komited menyediakan pembiayaan kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan mereka sendiri," katanya dalam ucapan pada pelancaran Strivers' Hub: Bridging Digital Opportunities di sini semalam.

Strivers' Hub ialah portal digital sehenti baharu yang direka untuk memperluas peluang pertumbuhan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia, dengan tumpuan kepada perusahaan yang dimiliki atau diterajui wanita, menawarkan program peningkatan kemahiran digital, peluang bimbingan dan sumber penting untuk mengakses skim kewangan dan kredit.

Inisiatif itu ialah usaha kerjasama antara Mastercard Center for Inclusive Growth, The Asia Foundation dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita.

Sementara itu, dalam sidang media, Nancy mengumumkan bahawa KPWKM mencadangkan penubuhan Akademi Wanita, sebuah inisiatif bertujuan meningkatkan pemeraksanaan ekonomi golongan itu di seluruh negara.

Akademi berkenaan katanya, yang merupakan antara hasrat kementerian dalam Belanjawan 2025, akan berfungsi sebagai hab pusat untuk wanita mengakses sumber, latihan dan sokongan bagi meningkatkan kebebasan kewangan dan menyumbang kepada keluarga dan masyarakat.

"Semua berkaitan dengan ekonomi atau apa sahaja yang wanita ingin lakukan bagi manfaat keluarga mereka boleh difokuskan di akademi ini.

"Ia juga akan memastikan kita mempunyai tempat khusus untuk menjalankan program berkaitan," katanya dan menambah akademi itu juga akan menjadi sistem sokongan kepada usahawan wanita.

COMMUNITY WIDE APPROACH NEEDED TO TACKLE CHILD DELINQUENCY, SAYS NANCY

KUALA LUMPUR: Addressing the cases of delinquency among children, such as a 12-year-old taking a car for joyrides and a teenager impersonating a medical worker, requires a community-wide approach.

Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the focus should be on families and it was not just the government that had a role to play.

"However, everybody has to play their role and we can't address these issues alone, it requires a whole community approach," she said at a press conference after launching the website of the Stivers' Hub, an initiative aimed at empowering women entrepreneurs.

On Saturday, a 13-month-old toddler on a joyride with six other children on a three-wheeled motorcycle died after the vehicle, operated by a [12-year-old](#), fell into an irrigation canal in Bachok.

In another case, a woman stopped a Perodua Viva car allegedly driven by [12-year-old](#) boy, with two children inside. The boy has been charged with underage driving.

Last Wednesday, a [14-year-old girl](#) was also arrested by police after impersonating a medical officer at the Sultan Idris Shah Hospital in Serdang.

Nancy said the National Social Council chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi played a crucial role in coordinating efforts across various ministries to address social issues, including those affecting children.

"The council caters to issues across the whole community. It's not just our ministry involved, but also the Health Ministry, Youth and Sports Ministry, and the Education Ministry, among others."

Nancy said good values and positive behaviour must be instilled in children from an early age to prevent such incidents.

She said childcare centres and educational institutions were integral parts of this broader strategy.

"Everyone has a role to play, from parents to community leaders. Parents need to ensure that their children have good values, so we don't see situations where kids are allowed to drive cars at such a young age.

"All these sectors are involved in ensuring that we foster positive values in our children," she said.

Nancy called on the community to work together with the government to reduce the risks associated with juvenile delinquency.

"We need to come together as a community to address these issues, ensuring that our children grow up in a safe and supportive environment."

2025 BUDGET WISHLIST: NANCY PROPOSES NEW ACADEMY TO BOOST WOMEN'S FINANCIAL INDEPENDENCE

KUALA LUMPUR: A proposal to establish a Women's Academy is in place aimed at enhancing the economic empowerment of women nationwide.

Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said this initiative was part of the ministry's wishlist for the 2025 Budget.

The proposed academy aims to be a central hub, providing women nationwide with essential resources, training, and support to enhance their financial independence.

It will also offer a dedicated space for women entrepreneurs to thrive and contribute more effectively to their families and communities.

"This academy will be a cornerstone in our efforts to uplift women economically.

"We want to create a central place where women can access everything they need to advance economically and support their families," she said during a press conference following the launch of the Strivers' Hub website.

The Women's Academy will not only focus on educational programmes but will also function as a comprehensive support system for women entrepreneurs.

The goal is to create a one-stop centre where women, regardless of their age or background, can seek assistance and resources to become more economically independent.

Nancy said the ministry was committed to working closely with other government agencies to enhance women's economic participation.

"We aim for women to become more independent and serve as role models for their children. This is why we are prioritising economic empowerment and collaborating with other ministries on this important initiative," she added.

The success of the Women's Academy depends on receiving approval from the Finance Ministry, with details expected to be finalised in the upcoming budget discussions.

She expressed optimism about the potential impact of the academy and the need for a fresh approach to women's economic empowerment within the ministry.

POSKOM PLATFORM DAPATKAN MAKLUMAT, FAHAMI PELBAGAI BANTUAN JKM

BETONG: Program Outreach Santuni Komuniti (POSKOM) merupakan inisiatif penting yang menyediakan platform untuk mendapatkan maklumat yang tepat, pantas dan terkini daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Mohammad Razi Sitam dalam laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), berkata program itu memudahkan masyarakat berinteraksi secara langsung serta memahami pelbagai bantuan yang disalurkan oleh JKM.

"POSKOM memberi peluang kepada komuniti setempat untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan dan aduan kepada pihak JKM.

"Maklum balas daripada komuniti ini akan menjadi input berharga untuk perancangan dan penilaian perkhidmatan dari semasa ke semasa, selain mengeratkan hubungan antara JKM dan masyarakat," katanya ketika berucap pada POSKOM di Kampung Pusa pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beting Maro Razaili Gapor, Ahli Parlimen Batang Lupar Mohammad Shafizan Kepli serta tetamu kehormat lain.

Mohammad Razi yang juga ADUN Saribas berkata perkhidmatan bersemuka yang disediakan melalui program itu adalah lebih efisien.

Jelasnya, ia memudahkan golongan memerlukan untuk mendapatkan maklumat secara langsung, serta mengurangkan masalah komunikasi dan percanggahan maklumat.

"Komunikasi dua hala yang lebih baik juga diharapkan dapat mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap jabatan," tambahnya.

Mohammad Razi turut menyentuh mengenai cabaran dihadapi penduduk Pusa yang terletak di bawah pentadbiran Betong susulan ketiadaan pejabat kebajikan di kawasan tersebut.

Jelasnya, ini menyebabkan penduduk sukar mendapatkan perkhidmatan seperti permohonan bantuan, Kenyalang Gold Card (KGC), pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain.

Beliau pada masa sama turut memuji pencapaian perkhidmatan Pejabat Kebajikan Bahagian Betong sehingga Julai 2024 yang telah menunjukkan prestasi cemerlang melalui pelbagai unit seperti Bantuan Kesejahteraan Sosial, Perkhidmatan OKU, Pembangunan Ekonomi Usahawan, Warga Emas dan Pembangunan Komuniti Sukarela.

Sehingga kini, seramai 4,652 penerima bantuan kebajikan dikenal pasti dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,814,350.

WANITA DIPENJARA TUJUH HARI AKIBAT CURI BAJU



Seorang wanita dijatuhi hukuman penjara selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret di sini kerana mencuri dua helai baju

KUALA TERENGGANU - Seorang penunggang p-hailing wanita dijatuhi hukuman penjara selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret di sini kerana mencuri dua helai baju di sebuah pusat beli-belah dekat sini, minggu lepas.

Majistret Noor Mazrinie Mahmood menjatuhkan hukuman itu terhadap Aimi Shairah Ismail, 37, selepas dia mengaku bersalah mencuri dua helai baju milik sebuah kedai di pusat beli-belah tersebut.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didapati telah mencuri dua helai baju berjumlah RM198 milik sebuah kedai di sebuah pusat beli-belah di daerah ini kira-kira jam 12.30 tengah hari, 8 Ogos lalu.

Perbuatan itu disedari pengawal keselamatan apabila tertuduh masuk ke sebuah kedai lain dalam keadaan mencurigakan selain gagal menunjukkan bukti resit pembelian.

Semakan lanjut mendapati tiada resit dikeluarkan bagi dua helai baju T jenama Ducati itu dan ia disahkan milik kedai berkenaan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan denda dan bagi kesalahan kedua atau seterusnya boleh dihukum penjara serta dikenakan denda atau sebat.

Mahkamah kemudian mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara tujuh hari bermula tarikh tangkapan iaitu 8 Ogos lepas.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Aisyah Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

WANITA PERLU RM100,000 UNTUK JALANI PEMBEDAHAN DI KOREA SELATAN



Keadaan Muslihah yang dirawat di Hospital Awam Hana Cheongju, Chungcheongbuk-do, Korea Selatan

KOTA KINABALU - Seorang wanita berasal dari Sabah yang sedang menerima rawatan di Hospital Awam Hana Cheongju, Chungcheongbuk-do, Korea Selatan, memerlukan dana hampir RM100,000 bagi menampung kos pembedahannya di hospital tersebut.

Muslihah Ibrahim, 37, dari Lahad Datu, tidak sedarkan diri kira-kira jam 11 malam (waktu tempatan) Ahad sebelum dikejarkan ke hospital.

Menurut adiknya, Jawati, 34, kakaknya dirujuk ke hospital besar negara tersebut kerana berada dalam keadaan kritikal ketika itu.

"Pihak hospital kemudian mendiagnosis kakak mengalami masalah pecah pembuluh darah di kepala dan memerlukan pembedahan dengan segera.

"Doktor memaklumkan kakak perlu dibuat pembedahan secepat yang mungkin untuk mengelak berlaku pendarahan dan peratusan meninggal dunia sangat tinggi," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Isnin.

Katanya lagi, usaha membawa pulang kakaknya mungkin sukar kerana keadaannya yang kritikal ketika ini.

"Doktor juga memaklumkan bahawa kakak tidak boleh dibawa balik ke Malaysia disebabkan keadaannya yang sangat kritikal sekarang dan tiada syarikat penerbangan akan menerima.

"Pilihan yang ada adalah untuk melakukan pembedahan yang anggaran kos antara RM65,000 hingga RM98,000.

"Setakat ini kami tiada dana sebanyak itu dan kos itu diperlukan hari ini. Saya buntu, kami amat memerlukan wang tersebut supaya pembedahan dapat dilaksanakan segera," katanya.

Sebelum itu, Jawati memaklumkan mereka dua beradik berada di negara itu kira-kira sebulan untuk tujuan melancong.

"Kejadian ini sangat mengejutkan kami kerana kakak saya seorang yang aktif dan sihat.

"Kami merayu kepada golongan yang berkemampuan supaya dapat menghulurkan sumbangan untuk kakak yang ditimpa musibah.

"Segala bantuan sangatlah diperlukan pada saat ini bagi meringankan beban kos rawatan pembedahan kakak," rayunya.

Tambah Jawati lagi, sumbangan boleh disalurkan terus ke akaun bank miliknya bernombor 164203485030 (Maybank) atau akaun 9500020317304 (Jeonbuk Bank) dan untuk keterangan lebih lanjut, boleh hubungi talian 019-9973099.

BERPISAH DENGAN ANAK SELEPAS KEMATIAN SUAMI AKIBAT COVID-19



Foong Yee ketika menerima kunjungan Ismail Sabri di rumahnya di sini pada Isnin.

ALOR SETAR - Kepayahan hidup selepas kematian suami akibat Covid-19 tiga tahun lalu memaksa seorang ibu tunggal berpisah dengan anak sulungnya.

Choy Foong Yee, 32, berkata, anak sulungnya yang berusia 7 tahun terpaksa diserahkan kepada ibunya di Kuala Lumpur kerana kesempitan wang selain tidak mampu menjaga dua orang anak yang masih kecil.

Katanya, selepas suaminya meninggal dunia pada 24 Julai 2021 dia mendapat tawaran kerja sebagai kerani di sebuah bank di Alor Setar.

"Ketika itu saya tidak mampu berulang alik untuk hantar anak ke taska dan juga hantar anak sulung saya ke sekolah. Sebab itu saya ambil keputusan hantar anak sulung untuk dijaga oleh ibu manakala anak bongsu saya yang kini berusia 5 tahun bersama saya.

"Memang saya akui hidup saya agak sukar, banyak komitmen yang perlu saya bayar, saya harap akan dapat jaga anak saya semula selepas ini apabila keadaan sudah mengizinkan," katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan daripada Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) di rumahnya di Mergong di sini pada Isnin.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedia memberikan komitmen untuk menyalurkan peruntukan tahunan sebanyak RM5 juta bagi membantu YKM membela nasib lebih 6,000 anak-anak yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19 di seluruh negara.

"Sehingga kini yayasan ini telah menyalurkan bantuan sebanyak RM1.5 juta kepada hampir 1,000 penerima daripada golongan terlibat," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri turut menziarah keluarga seorang bekas tentera yang kehilangan isteri, Hasrol Hadi, 50, yang terpaksa membesarkan dua anaknya yang masih belajar di sini.

Ismail Sabri berkata program itu akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi membela nasib anak yatim akibat pandemik Covid-19.

"Tetapi kita memberi bantuan berdasarkan pendapatan penjaga mereka kerana ada yang datang dari keluarga miskin, yatim piatu yang dijaga nenek mereka. Kita mengambil kira untuk kategori mereka yang boleh terima bantuan ini.

"Kita periksa juga kerana ada yang sudah menerima bantuan lain seperti JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) atau zakat, kita tidak mahu ada pertindihan. Kita memberi bantuan kepada mereka yang belum menerima apa-apa bantuan daripada mana-mana agensi.

"YKM akan membantu anak-anak ini bukan sahaja sekarang tetapi sehingga mereka berusia 18 tahun. Atau kalau mereka meneruskan pengajian di IPT (institusi pengajian tinggi) kita akan menjaga mereka sehingga mereka tamat pengajian di IPT," jelasnya.

'MAAF SAYA OKU'



Pakdo memakai tanda nama 'Maaf Saya OKU' yang disemat di bajunya. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KOTA BHARU: Kerap dimarah dan dimaki hamun, malah pernah juga dipukul pelanggan apabila berlaku silap faham ketika mengambil pesanan.

Insiden itu dialami orang kurang upaya (OKU) lembam, Che Mohd Fadil Che Abdul Rahman, 42, sepanjang lapan tahun bekerja di sebuah premis kedai makan di Jalan Dusun Muda, di sini.

Bertitik tolak daripada pelbagai kejadian tidak diingini itulah, Che Mohd Fadil terpaksa memakai tanda nama 'Maaf Saya OKU' yang disemat di bajunya namun dia yang mesra disapa Pakdo itu berkata, sehingga kini masih ada juga insiden yang berlaku di luar kawalan.



Muhammad Fahmi ketinggian 110 sm sering jadi perhatian pelanggan datang ke kedai makan. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

"Tugas saya untuk mengambil pesanan dan jika berlaku banyak kekeliruan ketika membuat 'order' atau banyak arahan saya jadi tertekan.

"Walaupun begitu, ramai juga pelanggan yang bertimbang rasa, malah sejak saya memakai tanda nama ini semakin kurang aduan diterima majikan berkenaan saya kerana pelanggan tahu kekurangan saya," katanya ketika ditemui di tempat kerjanya, di sini.

Pakdo berkata, sebelum ini dia bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat penghantar barang dan selepas tamat kontrak, dia mencuba nasib di kedai makan itu dan terus diterima.

Katanya, secara luarannya, dia kelihatan normal namun lama-kelamaan majikan mengesan kekurangannya tetapi tidak membuang kerja sebaliknya terus memberi peluang meneruskan kerja.

Majikannya, Wan Marnizena Najib, 48, menyifatkan Che Mohd Fadil sangat rajin walaupun sesekali datang 'anginnya' jika berlaku suasana yang tegang atau mengelirukan.

"Pada awalnya, Pakdo hanya ditugaskan sebagai pencuci pinggan, selepas lama di sini dia meminta diberi peluang membuat kerja mengambil pesanan.

"Terlalu kerap kesilapan dibuat sama ada tersalah mengambil pesanan atau berpunca dari sikapnya sendiri yang kadangkala 'moody' sehingga membuatkan pelanggan silap faham. Namun selepas dipakaikan tanda nama itu, semakin kurang aduan diterima mengenai Pakdo," katanya.

Pengalaman berbeza dialami seorang lagi pekerja OKU fizikal, Muhammad Fahmi Amran, 26, yang sering menjadi perhatian pelanggan kerana menyangkakan dia kanak-kanak.

Dengan ketinggian 110 sentimeter (sm), Muhammad Fahmi yang sudah empat tahun bekerja di premis kedai makan di Kubang Kerian, cekap membuat kerja sama seperti rakan sekerja lain.

Anak bongsu daripada lima beradik itu berkata, sebelum bekerja di premis terbabit, dia sering terfikir nasibnya dan mungkin tiada mahu mengambil bekerja namun nasibnya berubah sebaik diterima bekerja.

"Sejak hari pertama bekerja, saya menjadi perhatian pelanggan malah sentiasa diajukan soalan mengenai umur dan sebaik memberitahu jawapan, mereka terkejut dan memberi sokongan moral.

"Saya tidak pernah rasa rendah diri dan di tempat kerja juga dilayan sama rata malah saya diberi tugas untuk mengambil pesanan serta membuat minuman," katanya gaji antara RM60 hingga RM70 sehari.